

# MINACORT CREAM

Miconazole Nitrate / Hydrocortisone Acetate (2%w/w / 1%w/w)

## Apakah yang ada dalam risalah ini:

1. Apakah kegunaan Minacort Cream
2. Bagaimanakah Minacort Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Minacort Cream
4. Cara menggunakan Minacort Cream
5. Semasa menggunakan Minacort Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Minacort Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Minacort Cream

Ia diguna untuk merawat jangkitan kulit yang disebabkan oleh kulat dan bakteria dan disertai dengan keradangan.

## Bagaimanakah Minacort Cream berfungsi

Miconazole Nitrate dan Hydrocortisone Acetate adalah bahan aktif untuk Minacort Cream. Miconazole adalah sejenis antikulat dengan aktiviti antibakteria. Hydrocortisone adalah sejenis steroid berkuatan rendah, yang mengurangkan inflamasi, bengkak, kemerahan dan kegatalan pada kulit.

## Sebelum menggunakan Minacort Cream

### -Bila tidak boleh digunakan

Jangan guna Minacort Cream jika:

- anda alergi (hipersensitif) kepada miconazole atau hydrocortisone atau mana-mana bahan lain yang terdapat dalam produk ini (yang disenaraikan di Maklumat lanjut).
- anda mempunyai masalah jangkitan kulit yang lain seperti tibi kulit, kudis berair, kudis herpes, cacar air atau kayap.

### -Sebelum mula menggunakan Minacort Cream

Beritahu doktor anda jika anda pernah mengalami alergi terhadap ubat untuk rawatan keadaan anda yang diguna sebelum ini.

### -Hamil dan menyusukan bayi

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda hamil, atau merancang untuk hamil atau sedang menyusukan anak sebelum mengambil sebarang ubat.

Minacort Cream haruslah digunakan dengan berhati-hati semasa hamil dan dalam tempoh penyusuan. Elakkan rawatan pada permukaan yang luas dan penggunaan pembalut luka oklusif (kedap udara dan air).

### -Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor jika anda:

- sedang mengambil warfarin (ubat cair darah)
- mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Minacort Cream

### -Berapa banyak harus digunakan

Sapu krim pada kawasan kulit yang terjejas secara perlahan sehingga kesemua krim diserap ke dalam kulit sepenuhnya.

### -Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Sapu krim secara nipis satu atau dua kali sehari.

### -Berapa lama harus digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika kerengsaan berlaku atau keadaan kulit tidak menjadi lebih baik dalam 4 minggu, hentikan rawatan dan segera berjumpa doktor atau ahli farmasi.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan berlebihan boleh menyebabkan kerengsaan kulit yang biasanya hilang setelah terapi dihentikan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa tertelan ubat atau dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Minacort Cream

### -Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Minacort Cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Hubungi doktor anda jika keadaan anda semakin teruk atau tiada perubahan

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberikan Minacort Cream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elak daripada terkena pada mata.
- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum guna pada permukaan yang luas atau dibawah pembalut oklusif termasuk kain lampin pada bayi dan kanak-kanak. Elakkan penggunaan pada wajah.
- Jangan guna untuk tempoh yang lama pada bayi dan orang tua.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Minacort Cream boleh juga mempunyai kesan sampingan, walaupun bukan semua orang yang mendapatnya. Kesan sampingan berikut mungkin terjadi dengan ubat ini:

- Kerengsaan atau rasa seperti kulit terbakar.
- Reaksi alergi terhadap sebarang bahan yang terkandung dalam krim.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Minacort Cream**

#### -Penyimpanan

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan pada suhu di bawah 30°C dalam bekas ditutup rapat. Lindungi daripada cahaya, haba, kelembapan dan kebekuan. Jauhi daripada pencapaian kanak-kanak.

#### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### -Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih hingga kekuningan dengan bau *whitening bouquet* dalam tiub aluminium bercetak dengan penutup berwarna putih atau dalam bekas plastik.

#### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Setiap gram mengandungi 20mg Miconazole Nitrate dan 10mg Hydrocortisone Acetate.

-Bahan tidak aktif

Propylene glycol, mineral oil heavy, polyoxyl 40 stearate, stearic acid pallet, cetyl alcohol, disodium edetate, benzoic acid, butylated hydroxyanisole dan whitening bouquet.

#### -Nombor MAL:

MAL06061321AZ

### **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa, 11900 Bayan Lepas, Penang, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

01/11/2022

### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)14102022/00088